

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (Lokal)

TARIKH: 4 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT: 4

Empat lampu hiasan dicuri

Kuantan: Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) terkilang dengan kes kecurian lampu hiasan pada papan iklan luar, 'Selamat Datang Ke Kuantan', di Jalan Kuantan-Gambang di sini, kelmarin.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat MPK, Norkamawati Kamal berkata, tindakan individu dan pihak tidak bertanggungjawab itu dikesali ketika MPK menaik taraf dalam menceriaikan bandar Kuantan.

Katanya, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang membelanjakan pe-

runtukan untuk kemudahan itu untuk warga Kuantan, perbuatan mencuri harta benda awam terbabit tidak sepatutnya berlaku.

"Empat unit lampu hiasan ini baru sahaja dipasang awal Januari lalu dengan kos keseluruhan berjumlah RM3,000.

"Bukan itu sahaja, sistem pendawaian elektrik bagi pemasangan lampu hiasan itu juga dirosakkan.

"Sebenarnya pemasangan lampu hiasan ini sebagai tarikan dan menceriaikan Kuantan kerana ia juga pintu masuk utama ke daerah ini sebaik keluar dari Plaza

Tol Gambang di sini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Berdasarkan tinjauan semalam, empat lampu hiasan dicuri pada papan iklan luar itu, manakala pendawaian elektrik dirosakkan oleh individu atau pihak tidak bertanggungjawab.

Norkamawati berkata, pihaknya meminta orang ramai yang melihat kes kecurian itu melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Katanya, MPK juga membuat laporan polis bagi memastikan mereka yang terbabit dalam kes berkenaan ditahan.



SISTEM pendawaian elektrik yang dirosakkan individu tidak bertanggungjawab di Jalan Kuantan-Gambang, Kuantan.